

NĀ'ILAH HĀSHIM ŞABRĪ : TOKOH TAFSIR WANITA ABAD KE- 21

Nā'ilah Hāshim Şabrī : Interpretation Of Women Leaders 21st Century

Maslina Binti Muhammad¹
Prof Madya Dr Mustaffa Abdullah²
Dr Monika @ Munirah Abd Razzak³

Abstrak

Artikel ini memperkenalkan Nā'ilah Hāshim Şabrī menerusi karyanya al-Mubşir li Nūr al-Qur'ān, sebuah karya tafsir moden yang telah mengangkat nama Nā'ilah Hāshim Şabrī sebagai seorang mufassir wanita yang pertama dan satu-satunya telah berjaya mengarang karya tafsir secara lengkap 30 juz al-Quran. Objektif utama kertas ini ialah memaparkan biografi Nā'ilah Hāshim Şabrī dan pengenalan kitab tafsirnya serta memperincikan metodologi pentafsiran beliau menerusi karya tafsir tersebut. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu historis dan analisis tekstual serta kajian lapangan. Hasil kajian mendapati, ketokohan Nailah sebagai seorang mufassir tertumpu kepada kekuatan metode penulisan al-Mubşir li Nūr al-Qur'ān serta metodologi pentafsiran yang berorientasikan kepada gabung jalin antara manhaj tafsir bi al-ma'thūr dengan manhaj tafsir bi al-ra'y al-maḥmūd yang diistilahkan dengan manhaj tafsir bi al-atharī al-nazarī.

Kata Kunci: *Nā'ilah Hāshim Şabrī, mufassir wanita, karya tafsir, metodologi pentafsiran, metode penulisan.*

Abstract

This article introduces Nā'ilah Hāshim Şabrī through his work Mubşir li Nūr al-Qur'ān, a modern interpretation of the work that has named Nā'ilah Hāshim Şabrī as the first female interpretation and the only one has succeeded in composing the work complete interpretation of 30 juz of the Quran. The main objective of this paper is to present the biography of Nā'ilah Hāshim Şabrī and the introduce her tafsir book al-Mubşir li Nūr al-Qur'ān and to elaborate his interpretation methodology through the interpretation. This study uses two methods: historical and textual analysis as well as field studies. The finding of study show that Nailah's character as a mufassir focuses on the strength of the method of writing al-Mubşir li Nūr al-Qur'ān and the interpretation methodology was based on the merging between the manhaj tafsir bi al-ma'thūr with manhaj tafsir bi al-ra'y al-maḥmūd which was known as the manhaj tafsir bi al-atharī al-nazarī.

Keywords: *Nā'ilah Hāshim Şabrī, women mufassir, interpretation work, interpretation methodology, writing method.*

¹ Calon PhD di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mail: ismas_74@yahoo.com.

² Pensyarah kanan dan penyelia 1 calon di Jabatan Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: mustaffa@um.edu.my.

³ Pensyarah dan penyelia 2 calon di Jabatan Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: munirahar@um.edu.my

Pendahuluan

Bermula dari zaman awal Islam sehingga abad ke 19, pendedahan tentang penglibatan dan sumbangan wanita dalam penghasilan karya-karya tafsir tidak banyak diketahui umum. Bahkan agak sukar menemukan data dan maklumat tentang wanita yang ahli dalam bidang tafsir, malah hampir tiada dalam buku-buku *'ulūm al-Quran* atau *manhaj al-mufassiīn* yang membariskan nama atau tokoh wanita yang berkebolehan dan pakar dalam bidang al-Quran sebagai seorang *mufassirah* atau ahli tafsir.

Namun demikian, nama-nama bagi tokoh wanita banyak direkodkan dalam penghasilan karya-karya berkaitan bidang hadith, fiqah, sejarah dan tamadun peradaban manusia.⁴ Setakat yang ditemui pengkaji menerusi karya *Hadiyyah al-Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Athār al-Muṣannifīn* karangan Ismā'il Bāshā al-Baghdādi, iaitu antara karya biografi terawal yang memuatkan sejumlah yang ramai dalam kalangan para *mufassirin* yang terlibat memberi sumbangan dalam bidang penulisan karya tafsir. Dari senarai panjang tersebut, hanya tercatat satu nama wanita yang disebut sebagai *mufassirah* iaitu Zīb al-Nisā'⁵ yang dikenali menerusi karya tafsirnya *Zīb al-Tafāsīr*.⁶

Sehinggalah pada akhir abad ke 19 kemunculan beberapa nama tokoh wanita terkenal seperti Bint al-Shāṭi' (1913-1998M),⁷ Zaynab al-Ghazālī (1917-2005M),⁸ Karīmān Ḥamzah,⁹ Ḥannān Liḥām¹⁰, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dan lain-lain mula dikenali ramai.

Justeru, artikel ini akan memperkenalkan keperibadian unggul sosok tubuh seorang tokoh *mufassir* wanita di abad ke 21. Beliau ialah Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, seorang tokoh pendakwah kelahiran bumi Palestin. Wanita berjiwa kental ini terkenal sebagai seorang pendakwah wanita yang sangat aktif dalam kerja-kerja dakwah dan amal kebajikan, selain bergiat aktif dalam

⁴ Lihat catatan Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf dalam *al-Mu'allafāt min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tārikh al-Islāmī*, cet. ke-2 (Beirut: Dār Ibn Ḥazim, 2000), 14-15.

⁵ Mufassirah tersebut ialah Zīb al-Nisā'. Lihat 'Ismā'il Bāshā al-Baghdādi, *Hadiyyah al-Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn Wa Athār al-Muṣannifīn* (1951; ulang cetak, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 375.

⁶ "*Zīb al-Tafāsīr*" merupakan sebuah karya tafsir yang dikarang dalam bahasa Parsi. Justeru, ia menjadi kekangan kepada pengkaji untuk memahami isi kandungan serta maklumat dari teks asal karya tersebut serta sukar untuk membuat kepastian terhadap beberapa kritikan serta dakwaan yang mempertikaikan tentang keaslian kitab tersebut. Antaranya ialah dakwaan yang menyatakan bahawa karya tafsir "*Zīb al-Tafāsīr*" hanyalah penterjemahan semula kepada karya tafsir "*Maḥāṭiḥ al-Ghayb*" karangan Imam Fakh al-Dīn al-Rāzī.

⁷ Beliau adalah 'Ā'ishah bint 'Abd al-Raḥmān yang terkenal dengan nama penanya Bint al-Shāṭi'. Dilahirkan pada 6 Zulhijjah 1331H bersamaan 6 November 1913M, di bandar Dumyat, Mesir. Beliau merupakan seorang tokoh tafsir wanita yang terkenal dengan kewibawaannya menerusi cetusan idea-idea pembaharuan yang diserap menerusi penghasilan karya tafsirnya iaitu "*al-Tafsīr al-Bayānī li al-Qur'ān al-Karīm*". Meninggal dunia pada awal Disember 1998. Lihat Muḥamad Mustahā, "Bint Shati': Satu Kajian Atas Pemikirannya Dalam Tafsir" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004), 38-41.

⁸ Beliau ialah Zaynab binti al-Ghazālī al-Jubaylī, seorang srikandi berjiwa kental yang terkenal menerusi penerapan pemikiran dakwahnya menerusi karya tafsirnya "*Naẓarāt fī Kitāb Allāh*". Dilahirkan di sebuah perkampungan di al-Buḥayra, Mesir pada 2 Januari 1917. Meninggal dunia pada hari Rabu bersamaan 3 Ogos 2005 tatkala umurnya 88 tahun. Lihat Ibn al-Hāshimī, *al-Dā'iyyah Zaynab al-Ghazālī Masīrah Jihād wa Hadīth min Dhikrayāt min Khilāl Kitābatihā* (Kaherah: Dār al-I'tisām, 1989), 17.

⁹ Karīmān Ḥamzah yang lahir pada tahun 1948 dalam sebuah keluarga seniman merupakan seorang anak jati bumi Mesir yang aktif dalam dunia penyiaran. Beliau terlibat selama lebih dari 50 tahun sebagai pengacara rancangan agama di stesyen-stesyen televisyen dan radio Mesir. Idea dan corak pemikiran dakwahnya terserap menerusi karya tafsirnya "*al-Lu'lu' wa al-Marjān fī Tafsīr al-Qur'ān*"

¹⁰ Ḥannān Liḥām dilahirkan pada tahun 1943 di pinggiran kota Damascus, Syria. Beliau cukup dikenali di bumi Syria sebagai seorang karyawan wanita yang gigih dalam mengetengahkan idea-ideanya tentang pentarbiyahan dan islah masyarakat melalui kebanyakan hasil karyanya. Garapan pemikiran tafsirnya secara jelas dapat dilihat menerusi olahan tafsirannya dari lapan buah surah yang dimuatkan ke dalam lapan buah karya tafsir secara berasingan.

bidang penulisan karya-karya ilmiah termasuk karya tafsir. Beliau juga turut dikenali sebagai seorang wanita yang tegas dan lantang dalam menyatakan kebenaran terutamanya dalam isu pembebasan bumi Palestin. Hari ini, namanya mula melonjak naik dan tersohor menerusi tema penulisan yang diangkat dalam karya ulung beliau dalam bidang tafsir iaitu "*al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*".

Latar Belakang Kehidupan

Nama penuh beliau ialah Nā'ilah binti Hāshim Ḥasan Ṣabrī bin Ḥasan Muṣṭafā Ṣabrī bin Muṣṭafā Muḥammad Ṣabrī bin Muḥammad Ḥasan Ṣabrī. Nā'ilah Hāshim Ṣabrī atau lebih mesra dengan panggilan Ummu 'Ammār dalam kalangan masyarakat setempat merupakan anak seorang imam dan ulama terkenal di bumi kelahirannya.¹¹ Beliau lahir pada tanggal 21 Mei 1944 di Qalqilia, iaitu sebuah pekan kecil yang terletak pada bahagian utara Tebing Barat dan bahagian barat Nablus, Palestin¹².

Keturunan dan Perkahwinan

Susur galur salasilah keturunan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī berasal dari golongan ulama dan para pendakwah yang terkenal dengan jasa dan sumbangan mereka dalam penyebaran dakwah Islamiah di bumi Palestin.¹³ Bermula dari moyang Nā'ilah Hāshim Ṣabrī di sebelah bapanya, iaitu Shaykh Muṣṭafā Muḥammad Ṣabrī (1870-1957M)¹⁴, adalah anak kepada Shaykh Muḥammad Ḥasan Ṣabrī, iaitu imam pertama yang bertugas di Masjid 'Umar al-Khaṭṭāb iaitu sebuah masjid lama di Qalqilia semenjak tahun 1805M. Beliau merupakan seorang tokoh ilmuan yang sangat dihormati dalam kalangan masyarakat setempat.¹⁵

Manakala bapa Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, iaitu Shaykh Hāshim Ḥasan Ṣabrī (1917-1995), merupakan tokoh agamawan yang banyak berkhidmat manabur bakti di bumi kelahirannya dengan mengajar ilmu agama di masjid-masjid serta di beberapa buah sekolah di sekitar kawasan Qalqilia dan Ramallah. Ibu Nā'ilah Hāshim Ṣabrī pula, iaitu Shaykhah Ṣāliḥ Ṣabrī, merupakan seorang ibu yang sangat mengambil berat tentang pentarbiahan dan pembentukan akhlak anak-anaknya. Rutin kehidupan yang dilalui oleh Nā'ilah Hāshim Ṣabrī setiap hari semenjak kecil sehingga meningkat usia remaja, hidup beliau sentiasa dilingkungi dengan suasana penghayatan al-Quran.¹⁶

¹¹ Kebanyakan maklumat dan data berkaitan tentang biografi Nā'ilah Hāshim Ṣabrī ini diperolehi pengkaji melalui hasil catatan temuramah serta dokumen-dokumen peribadi yang telah diserahkan kepada pengkaji sewaktu sesi temuramah bersama beliau. Temuramah tersebut dan temuramah-temuramah lain yang akan disebut nanti adalah hasil lawatan pengkaji sendiri ke rumah Nā'ilah Hāshim Ṣabrī di kediamannya yang beralamat Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012.

¹² Lihat perincian tentang sejarah dan kedudukan geografi pekan Qalqilia ini dalam Samū al-Amīr, "Qalqīliyah- Haqā'iq wa Arqām", laman sesawang *Qalqīliyyah bayna al-'Ams wa al-Yawm*, kemas kini 9 Novenber 2011, dicapai 11 April 2012, <http://www.myqalqilia.com/>.

¹³ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān* (Baitul Maqdis: Maṭba'ah al-Risālah al-Maqdasiyyah, 2003), 11: i. Lihat juga laman sesawang yang secara khusus memaparkan kisah tentang keturunan keluarga Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dalam Āmin Ṣabrī, "A'lām al-Ṣabrī- Hawiyyah, Tārīkh wa Riwāyāt", laman sesawang *A'lām al-Ṣabrī*, dikemaskini 24 Oktober 2010, dicapai 25 Februari 2013, <http://www.howiyya.com/Portal/Article.aspx?id=2287>

¹⁴ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān* (Baitul Maqdis: Maṭba'ah al-Risālah al-Maqdasiyyah, 2003), 11: i. Lihat juga laman sesawang yang secara khusus memaparkan kisah tentang keturunan keluarga Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dalam Āmin Ṣabrī, "A'lām al-Ṣabrī- Hawiyyah, Tārīkh wa Riwāyāt", laman sesawang *A'lām al-Ṣabrī*, dikemaskini 24 Oktober 2010, dicapai 25 Februari 2013, <http://www.howiyya.com/Portal/Article.aspx?id=2287>.

¹⁶ Temu bual dengan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī di rumah beliau di Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam..

Bagi mengukuhkan lagi ikatan kekeluargaan yang sedia terjalin erat, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dijodohkan dengan suaminya, Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī.¹⁷ pada tahun 1965 ketika usianya mencecah 21 tahun. Suaminya, Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī merupakan seorang tokoh ilmuan agama dan pendakwah yang terkenal di bumi Palestin.¹⁸ Beliau merupakan seorang suami yang sentiasa memberi dorongan dan semangat yang tidak berbelah bagi kepada Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dalam setiap apa jua minat, aktiviti dan bidang yang diceburinya.¹⁹ Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan lima orang cahayamata iaitu tiga orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan iaitu 'Ammār, 'Urwah, 'Ubādah, Lubābah dan Lubnā.²⁰

Latar Belakang Pendidikan

Nā'ilah Hāshim Ṣabrī membesar dalam lingkungan keluarga yang sangat menitikberatkan soal penguasaan ilmu pengetahuan agama. Beliau sangat terkesan dengan harapan dan keperibadian ayah dan datuknya sebagai seorang tokoh ulama yang cukup terkenal dengan ketinggian akhlak dan keilmuannya di bumi Palestin.

Semenjak kecil, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī sangat gemar membaca dan menulis dan sangat berminat dengan karya-karya penulisan syair. Bakat tersebut mula semenjak umurnya 10 tahun.²¹ Beliau mula mendapat pendidikan awal secara formal di Madrasah Banāt Qalqīlyyah sehingga tamat pada tahun 1957. Kemudian menyambung pelajarannya ke peringkat sekolah menengah di al-Madrasah al-'Āishiyah di bandar Nablus sehingga tamat pembelajarannya pada tahun 1960.²²

Perkahwinan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī pada usia yang muda tidak pernah menjadi penghalang terhadap minat dan cita-cita Nā'ilah Hāshim Ṣabrī untuk menjadi seorang tokoh muslimah yang berilmu. Suaminya, Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī secara tidak langsung merupakan antara guru utama kepada Nā'ilah Hāshim Ṣabrī. Bahkan beliau sentiasa memberi sokongan, bimbingan dan dorongan kepada isterinya agar terus meningkatkan potensi diri dalam bidang dakwah sama ada menerusi medium penulisan karya-karya ilmiah atau dalam penyampaian ilmu di kelas-kelas pengajian yang dikelolaknya.²³

¹⁷ Beliau ialah Shaykh 'Ikrimah Ṣabrī bin Sa'īd 'Abd Allāh Ṣabrī. Perincian salasilah keluarga beliau boleh dirujuk beberapa laman sesawang berkaitan, antaranya ialah dalam Samīr Zuhair al-Ṣūṣ. "Al-Syeikh 'Ikrimah Ṣabrī", laman sesawang *Qalqilia Baina al-Ams wa al-Yaum*, dikemaskini 8 April 2012, dicapai 25 Mac 2012, <http://www.myqalqilia.com/Ikrema-sabri.htm>.

¹⁸ Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 2001 dalam bidang al-Fiqh al-'Am. Sangat aktif dalam bidang dakwah dan memegang beberapa jawatan penting dalam pertubuhan-pertubuhan dakwah. Antaranya ialah dilantik menjadi Mufti al-Quds semenjak tahun 1994 sehingga beliau dipecat pada tahun 2006, kemudian dilantik semula pada tahun 2015 sehingga kini. Beliau juga merupakan pengasas bagi penubuhan Persatuan Ulama dan Pendakwah Palestin pada tahun 1992, Pengerusi Pertubuhan Islamiyyah Palestin, Khatib Masjid al-Aqsa (masih berkhidmat sehingga sekarang), dan yang terkini di lantik sebagai salah seorang Ahli Majlis Pemegang Amanah Kesatuan Ulama' Islam Sedunia bagi sesi 2014 – 2018.

¹⁹ Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī (suami Nā'ilah Hāshim Ṣabrī), dalam temubual dengan pengkaji di kediamannya, Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam. Semasa temubual ini, Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī banyak menerangkan tentang aktiviti-aktiviti dan rutin kehidupan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī.

²⁰ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī (Pengarang karya "*al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*"), dalam temubual dengan pengkaji di rumah beliau, Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.

²¹ Nama Nā'ilah Hāshim Ṣabrī turut tersenarai sebagai salah seorang penulis yang aktif dalam Persatuan Penulis-Penulis di Palestin. Lihat Samīr Zuhayr al-Ṣūṣ, "al-Dā'iyyah al-Islāmiyyah al-Sayyidah Nā'ilah Hāshim Ṣabrī", laman sesawang *Qalqiliyah Bayna al-'Ams wa al-Yawm*, dikemaskini 8 April 2012, dicapai 25 Mac 2012, <http://www.myqalqilia.com/>.

²² Nā'ilah Hāshim Ṣabrī (Pengarang karya "*al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*"), dalam temubual dengan pengkaji di rumah beliau, Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.

²³ Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī (suami Nā'ilah Hāshim Ṣabrī), dalam temubual dengan penulisi di

Akhlaq dan Perwatakan Peribadi

Selain banyak menabur jasa bakti dan ilmu, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī turut memiliki akhlak dan sikap yang terpuji, antaranya ialah:

- a. Gigih dan tekun mendalami ilmu. Menurut Dr.'Abd al-Raḥman A'Ubād,²⁴ kegigihan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī yang telah mengabdikan dirinya dengan al-Quran al-Karim lebih dari 20 tahun bagi menyiapkan penulisan kitab tafsirnya "*al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*"²⁵ merupakan suatu usaha luar biasa seorang wanita yang patut dicontohi oleh generasi hari ini.²⁶
- b. Seorang yang sangat rajin membaca dan menulis.²⁷ Kebanyakan masanya dimanfaatkan dengan membaca pelbagai karya tafsir ulama-ulama terdahulu dan terkemudian sebagai bacaan dan rujukannya seharian.²⁸
- c. Aktif dalam pelbagai aktiviti keilmuan dan dakwah.²⁹ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī mengorbankan sebahagian besar usianya dengan kembara ilmu dan dakwah ke seluruh ceruk rantau di dunia membawa suara Islam terutamanya dalam isu pembebasan bumi Palestin. Bahkan beliau banyak terlibat mencari dana untuk menggerakkan Persatuan Wanita Islam Palestin yang diasaskan olehnya bagi melancarkan gerakerja dakwahnya.
- d. Serikandi berjiwa kental dan berani.³⁰ Antara buktinya, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī seringkali membawa anak-anak bersamanya setiap kali beliau ke Masjid al-Aqsa. Tujuan berbuat demikian ialah agar anak-anaknya melihat sendiri tindakan biadap pihak tentera Zionis. Pada masa yang sama mereka akan turut menyaksikan kekentalan semangat dan keberanian para muslimah Palestin ketika berhadapan dengan tentera Zionis Yahudi. Matlamatnya juga adalah agar akan tumbuh dalam jiwa dan diri anak-anak Palestin tersebut jati diri "Generasi Pembebas".³¹
- e. Sangat suka menderma.³² Antara buktinya, sebahagian besar dari hasil karya yang dikarang beliau akan diterbitkan untuk diedarkan secara percuma di sekolah-sekolah,

rumah beliau di alamat Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.

²⁴ Setiausaha Agung Kesatuan Ulama dan Pendakwah Palestin (meninggal dunia pada Jun 2015).

²⁵ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī memulakan penulisan karya tafsir tersebut pada tahun 1982 dan mula dicetak pada tahun 1997. Selesai dan lengkap sepenuhnya ditulis sebanyak 11 jilid merangkumi 30 juz al-Quran. Cetakan pertama ini selesai diterbitkan pada tahun 2003.

²⁶ Penegasan tersebut dirakamkan dalam ruangan awal Mukaddimah kitab tafsir "*al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*". Lihat Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, cet.ke-2 (Baitul Maqdis: Maṭba'ah al-Risālah al-Maqdasiyyah), 1: 3-5.

²⁷ 'Ammar bin Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Ṣabrī (anak sulung Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dan paling rapat dengan beliau), temubual dengan penulis di rumah beliau di alamat Peti Surat 17412, Hayy al-Ṣawānah, al-Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.

²⁸ Lihat laporan yang disediakan oleh wartawan 'Imān 'Ismā'īl ketika temuramah bersama Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dalam "Zaujah 'Ikrimah Ṣabrī Turṣad Mu'ānah al-Mar'ah al-Maqdasiyyah", laman sesawang *Lajnah al-Quds*, dikemaskini 1 April 2012, dicapai 5 Februari 2012, <http://www.alquds.gov.ps/ar/?view=79YOcy0nNs3Du69tjuhzy1wkyeayxx%2B7%2FAnzyAHkXWeIT9jMURkT>

²⁹ Semenjak tahun 1982, menjadi rutin utama dalam kehidupan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī ialah menyampaikan pengajian kuliah tafsirnya kepada para muslimah. Penglibatan aktif beliau tersebut menjadikan jadual dan rutin kehidupannya padat dengan pengisian kuliah-kuliah agama, ceramah politik, seminar, konvensyen dan lain-lain.

³⁰ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī begitu bertegas bahawa beliau tidak sama sekali tidak akan berganjak walau seinci dari tanahairnya dan tidak pernah gentar menghadapi penjajahan Zionis Yahudi. Lihat "Zaujah 'Ikrimah Ṣabrī Turṣad Mu'ānah al-Mar'ah al-Maqdasiyyah", laman sesawang *Lajnah al-Quds*, dikemaskini 1 April 2012, dicapai 5 Februari 2012, <http://www.alquds.gov.ps/ar/?view=79YOcy0nNs3Du69tjuhzy1wkyeayxx%2B7%2FAnzyAHkXWeIT9jMURkT>.

masjid-masjid dan pusat-pusat pengajian ilmu termasuk juga kepada penduduk Palestin.

Sumbangan dan Khidmat Bakti

Sebahagian daripada sumbangan dan jasa bakti Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dapat dilihat dan diukur dari penglibatan dakwah beliau dalam bidang penulisan, pendidikan, politik dan kebajikan masyarakat. Berikut ialah sumbangan dan khidmat bakti beliau:

Aktivis Masyarakat

Sejak awal lagi, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī bijak membuat perancangan dalam pengurusan masanya. Beliau begitu berdisiplin dengan jadual harian yang telah diaturnya dengan sempurna, agar seimbang antara pelaksanaan tanggungjawab untuk keluarga dengan komitmennya sebagai seorang aktivis dakwah dan kemasyarakatan.

Selain itu, beliau juga sangat aktif melibatkan diri dalam beberapa pertubuhan kebajikan di Palestin. Antaranya Pertubuhan Kebajikan al-Quds, Persatuan Bulan Sabit Merah al-Quds serta Persatuan Sukarelawan Wanita Palestin. Sebagai tenaga penggerak pertubuhan-pertubuhan tersebut, beliau bertungkus-lumus mencari dana bagi memenuhi keperluan tabung kebajikan pertubuhan tersebut.

Penubuhan Persatuan Wanita Islam Palestin

Kesedaran tentang kepentingan dakwah kepada masyarakat telah melahirkan satu keazaman dalam diri Nā'ilah Hāshim Ṣabrī untuk berdakwah dengan lebih berkesan. Atas kesedaran tentang pentingnya melakukan gerakerja dakwah secara berjemaah, lantas bersama rakan-rakannya beliau menubuhkan Persatuan Wanita Islam Palestin pada tahun 1982. Semenjak itu, nama Nā'ilah Hāshim Ṣabrī mula tersohor dengan gelaran "*al-Dā'iyah al-Maqdasiyyah*".

Pertubuhan ini memainkan peranan yang penting dalam menjalankan pelbagai aktiviti dakwah secara lebih berfokus. Antara objektif utama penubuhan Persatuan Wanita Islam Palestin ini adalah bagi meningkatkan taraf keilmuan dan pendidikan wanita Palestin. Sebagai pengasas persatuan tersebut, beliau berperanan sebagai penggerak utama organisasi yang tegar menghadapi pelbagai kekangan dan kesukaran demi kelangsungan persatuan tersebut. Setelah mengabdikan dirinya hampir 30 tahun dengan gerkerja dakwah dalam Persatuan Wanita Islam Palestin, namun akhirnya pada tahun 2011 Nā'ilah Hāshim Ṣabrī mengundurkan diri dari tampuk kepemimpinan persatuan tersebut selain daripada faktor kewangan yang sangat kritikal ketika itu.³³

Kembara Ilmu dan Dakwah

Nā'ilah Hāshim Ṣabrī merupakan seorang pendakwah yang sering bermusafir untuk tujuan dakwah serta mencurahkan khidmat baktinya kepada masyarakat Islam. Kembara ilmu dan dakwahnya menjangkau ke luar sempadan bumi Palestin. Selepas mendirikan rumahtangga pada tahun 1965, laluan kembara ilmu dan dakwah Nā'ilah Hāshim Ṣabrī menjadi lebih mudah.

³³ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, dalam temubual pengkaji dengan beliau di Bilik 2612, PNB Perdana Hotel & Suites, 10 jalan Binjai, Kuala Lumpur pada 2 November 2017, 2:30 petang.

Hampir keseluruhan negara di Timur Tengah telah dikunjungi beliau termasuk bagi urusan mengerjakan haji dan umrah di Mekah dan Madinah³⁴ Selain itu, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī sering ke benua Eropah dan Amerika bagi memenuhi undangan dari badan-badan dakwah di luar negara bagi menyampaikan siri ceramah dan kuliah tafsir al-Quran di pusat-pusat Islam di negara tersebut. Penjelajahan ilmu dan dakwahnya ke merata ceruk negara di benua Afrika dan Eropah telah bermula semenjak tahun 2002. Antara negara yang dikunjunginya ialah Maroco, Johannesburg, Capetown, India, Brazil, United Kingdom, Jerman, Sepanyol, Itali, Switserland, Turki, Korea Selatan dan beberapa buah negara lain di Amerika.

Hampir setiap tahun menjelang bulan Ramadhan, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī akan menerima banyak undangan untuk pengisian program-program seperti "*Madrasah Ramadhan*" di negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Mesir, Jordan, Qatar, Bahrain, Kuwait, Libya dan lain-lain. Antaranya ialah pada tahun 2003, beliau menerima undangan khas dari Shaykh Zāyd bin Sulṭān Āli Nahyān dari Emiriah Arab Bersatu bagi pengisian slot Ramadhan dan ia berterusan selama tujuh tahun.³⁵ Siri pengembaraan dakwah Nā'ilah Hāshim Ṣabrī turut menjangkau ke beberapa negara di Asia Tenggara seperti ke Indonesia, Filipina dan Malaysia.³⁶

Selain itu, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī turut berpeluang meneroka bidang penyiaran di stesyen radio dan televisyen.. Selama beberapa tahun, beliau diberi kepercayaan oleh beberapa buah stesyen radio tempatan dan luar negara untuk mengendalikan beberapa rancangan keagamaan. Peluang keemasan tersebut telah memberi kesempatan besar kepada Nā'ilah Hāshim Ṣabrī untuk memanfaatkannya sebagai salah satu wadah untuk menyampaikan suara-suara Islam ke seluruh pelusuk dunia. Antaranya ialah pengalaman beliau bersama dengan Stesen Radio Jordan menerusi slot "*Min Hadiy al-Qur'ān al-Karīm*" selama lebih 10 tahun, bersama Radio London untuk pengisian rancangan "*al-Qism al-'Arabī*", stesyen Radio Suara Amerika dan Radio Riyadh dalam pengisian rancangan "*al-Khawāṭir*".³⁷

Karya-Karya

Dalam bidang penulisan ilmiah, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī telah menghasilkan kira-kira 12 buah karya besar dalam pelbagai bidang ilmu. Menerusi tajuk-tajuk dalam setiap karyanya menunjukkan pengamatannya yang teliti dalam mengetengahkan pelbagai isu dan permasalahan. Antara karyanya yang terkenal ialah karya *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*.

Kitab tafsir *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān* ini merupakan karya Nā'ilah Hāshim Ṣabrī yang paling ulung dan masyhur. Ia direkodkan sebagai satu-satunya kitab tafsir karangan *mufasssir* wanita yang berjaya dikarang secara lengkap dan sempurna merangkumi 30 juz al-Quran.³⁸ Melalui karya ini, beliau telah memberi sumbangan bukan sahaja di dalam bidang tafsir, malah

³⁴ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī telah menunaikan ibadah umrah buat kali pertama pada tahun 1995 dan ibadah haji pada tahun 1999. (Pada tahun-tahun berikutnya sehingga tahun 2013, beliau berkesempatan menunaikan haji sebanyak enam kali dan lebih dari sepuluh kali menunaikan ibadah umrah).

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Kali terakhir beliau datang ke Malaysia ialah pada Oktober 2018 bersama dengan suami beliau dalam siri jelajah "Al-Quds Lanā" bertujuan membawa suara rakyat Palestin ke dunia luar selain kutipan dana bagi rakyat Palestin. Temubual pengkaji dengan 'Aṣim 'Ammār Ṣabrī (cucu Nā'ilah Hāshim Ṣabrī di Bilik 3005, PNB Perdana Hotel & Suites, 10 Jalan Binjai, Kuala Lumpur, pada 21 Oktober 2018 jam 10.30 pagi).

³⁷ Maklumat tambahan tentang diri Nā'ilah Hāshim Ṣabrī ini diterima melalui kiriman e-mail (yang dimuat-naik dengan tulisan tangannya sendiri) yang dikirimkan kepada penulis melalui alamat "Hay'ah al-'Ulamā' wa al-Du'āh Palestīn-al-Shaykh 'Ikrimah", 31 Januari 2015, 4.40 petang.

³⁸ 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "Min Juhūd al-Mar'ah "al-Mubṣir Li Nūr al-Qur'ān" Awwal Juhd Kāmil Fī Tafsīr Li al-Mar'ah Ḥadīthan" (makalah, Seminar al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali ke-2, Pusat Kajian Dan Penyelidikan Al-Quran, Universiti Malaya, 22-23 Februari 2012), 7.

secara tidak langsung beliau turut memberi sumbangan di dalam bidang-bidang yang lain melalui pentafsirannya.

Kesungguhan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dalam menyiapkan kitab tafsir *al-Mubṣir Li Nūr al-Qurān* telah membuktikan satu tahap kegigihan dan ketekunan yang luar biasa³⁹ Beliau mula mengarang kitab ini pada tahun 1982 ketika usianya mencecah 38 tahun. Selama lebih dari 20 tahun beliau mengabdikan dirinya sepenuh masa bagi menyiapkan penulisan kitab tafsir tersebut. Namun, atas beberapa faktor kewangan dan percetakan, cetakan pertama bagi jilid pertama kitab tersebut hanya dapat dicetak pada tahun 1997. Akhirnya setelah enam tahun, barulah kesemua 11 jilid kitab tersebut dapat dicetak sepenuhnya iaitu pada tahun 2003.⁴⁰ Setelah sepuluh tahun cetakan pertama disempurnakan, cetakan kali kedua kemudiannya berjaya disiapkan. Proses cetakan kedua yang telah dimulai pada tahun 2008 telah diterbitkan sepenuhnya sebanyak 11 jilid pada akhir tahun 2013.⁴¹

Ternyata penghasilan karya tafsir *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān* ini telah membuka mata banyak pihak tentang keupayaan seorang wanita untuk mentafsir al-Quran 30 juz secara lengkap, yang dikira berkebolehan dan setaraf dengan para *mufassir* lelaki. Selain karya tafsir tersebut, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī turut mengarang beberapa karya lain dalam pelbagai tema seperti karya *Kawākib al-Nisā'*, *Wamḍah fī Zulam, Palestīniyyah Sa'abqā, Hazīhi Ummatī: al-Quds, Riḥlatī wa'Umratī, Khawātir Nadiyyah wa 'Afkār Maqdasīyyah, Fī Zilāl Āyah, Tajwīd Āyāt al-Raḥmān fī Tilāwah al-Qur'ān, Riḥlatī fī al-Haj wa al-'Umrah, Tajwīd Āyāt al-Raḥmān fī Tilāwah al-Qur'ān, Fī Zilāl Āyāt al-Raḥmān, 'Asmā' Allāh al-Ḥusnā* serta lebih dari ratusan artikel dan rencana yang disiarkan dalam akhbar dan majalah tempatan.

Manhaj Tafsir Nā'ilah Hāshim Ṣabrī

Kitab tafsir *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān* merupakan sebuah karya tafsir kontemporari yang terkenal sebagai penghasilan sebuah karya moden dalam kajian tafsir yang mengangkat *manhaj tafsīr bi al-ma'thūr*⁴² dan *manhaj tafsīr bi al-ra'y al-maḥmūd* sekaligus membentuk *manhaj tafsīr bi al-'atharī al-naẓarī*.⁴³ Gabungan dan integrasi kedua-dua manhaj tersebut memberi kesan dan impak yang amat besar dalam corak pentafsiran ayat-ayat al-Quran.

Secara umum, garis panduan bagi manhaj pentafsiran Nā'ilah Hāshim Ṣabrī telah dinyatakan oleh beliau dalam muqaddimah kitab tafsirnya *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*. Beliau menegaskan bahawa manhaj pentafsiran utamanya adalah berlandaskan dari sumber *al-*

³⁹ Perakuan tentang perkara tersebut telah dinyatakan dalam halaman penghargaan oleh Dr. 'Abd al-Raḥmān Aḥmad 'Ubād (Setiausaha Agung Pertubuhan Ulama' dan Pendakwah di Palestin). Lihat Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir Li Nūr al-Qurān*, cet.ke-2 (al-Quds: Dār al-Risālah al-Maqdasīyyah, 2008), 1: 3.

⁴⁰ Syarikat percetakan yang bertanggungjawab untuk mencetak kitab tafsir tersebut ialah Maṭba'ah al-Risālah al-Maqdasīyyah yang terletak di tengah bandar Baitul Maqdis.

⁴¹ Hal ini dinyatakan oleh Ghāzī Aḥmad 'Ibrāhīm Yāsīn (Pengarah Syarikat Dār al-Risālah al-Maqdasīyyah), dalam temubual dengan pengkaji di pejabat Dār al-Risālah al-Maqdasīyyah, Peti Surat 21544, Bayt Ḥanīnā, al-Quds, pada 21 November 2012 jam 10.40 pagi.

⁴² *Tafsīr bi al-ma'thūr* terdiri daripada bentuk tafsiran ayat al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an yang lain dan tafsiran dari sandaran hadith-hadith Nabi serta pendapat para Sahabat. Lihat al-Dhahabī, Muḥammad Ḥussayn , *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrīn* (Kaherah : Maktabah Wahbah, 1995), 163.

⁴³ Menurut Dr Ṣalāh al-Khālīdī, *manhaj tafsīr bi al-'atharī al-naẓarī* merupakan manhaj pentafsiran yang terbaik. Ia merupakan gabungan manhaj tafsir yang diambil dari sumber yang *ma'thūr* disertai dengan garapan pendapat dan pandangan para mufassir dalam pelbagai persoalan yang timbul ketika membuat pentafsiran ayat al-Quran. Lihat Dr.Ṣalāh 'Abd al-Fattāh al-Khālīdī, *Ta'rif al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssīrīn*, cet.ke-5 (Damsyik: Dār al-Qalam, 2012), 6.

*ma'thūr*⁴⁴. Pada masa yang sama, beliau berusaha untuk menghindari aliran tafsir *al-ra'y* secara melampau.⁴⁵ Perincian manhaj tafsirnya adalah seperti berikut:

- a. Ketika menghuraikan maksud sesuatu ayat, secara keseluruhannya Nā'ilah Hāshim Ṣabrī mengaplikasikan metode pentafsiran al-Quran dengan al-Quran terlebih dahulu bagi menjelaskan secara tepat semua bentuk dan sifat ayat yang terdapat di dalam al-Quran. Bentuk pentafsiran sedemikian dikemukakan ketika beliau membuat pentafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran yang ringkas seperti ayat 8 surah al-'Isrā'⁴⁶ atau pada ayat yang *mujmal*⁴⁷ atau umum seperti ayat 228 surah al-Baqarah, juga pada tafsiran ayat 173 surah al-Baqarah, dengan tujuan untuk mengikat ayat-ayat mutlak tersebut.⁴⁸
- b. Konteks pentafsiran al-Quran dengan hadith pula dikemukakan dalam pelbagai bentuk berdasarkan kesesuaian dan peranan hadith-hadith tersebut sebagai pentafsir al-Quran. Penggunaan hadith dalam tafsir ini dapat dilihat ketika beliau mentafsirkan ayat al-Quran yang bersifat *mujmal*,⁴⁹ menjelaskan kemusykilan ayat,⁵⁰ menjelaskan hukum yang baharu, sebagai *muqayyad* ayat mutlak serta mengukuhkan hukum yang sedia ada dalam al-Quran. Selain itu, pentafsiran al-Quran dengan pendapat atau *athār al-Ṣahābah* turut digunakan.⁵¹
- c. Penekanan terhadap ayat *aḥkām*. Permasalahan hukum feqah yang terdapat di dalam ayat-ayat hukum dirumuskan setelah menbentangkan sesuatu permasalahan dalam bentuk *fiqh al-muqāran* antara mazhab. Lazimnya, kesemua pendapat keempat-empat mazhab feqah akan dikemukakan terlebih dahulu. Diikuti kemudiannya dengan pengukuhan hukum berdasarkan pendapat yang paling *arjaḥ*. Setelah itu, tema utama perbincangan hukum feqah tersebut akan dihuraikan secara panjang lebar di bawah satu tajuk khusus.⁵² Tanpa memanjangkan perbincangan dalam masalah-masalah *furu'* mahupun khilaf,⁵³ sebaliknya fokus perbincangan lebih tertumpu kepada huraian ayat yang mempunyai hubung-kait dengan isu-isu semasa yang dikira wajar untuk dibahaskan.
- d. Penggunaan *khiṭab* ayat. Kekeliruan dalam memahami *khiṭab* sesuatu ayat boleh menimbulkan kesilapan atau pentafsiran ayat yang kurang tepat mengikut kehendak sebenar sesuatu ayat. Dalam hal ini, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī telah memperhalusi setiap redaksi ayat agar matlamat dari penggunaan *khiṭab* ayat tersebut dapat difahami dan

⁴⁴ Tafsiran al-Quran dengan sumber-sumber *al-ma'thūr* membawa maksud tafsiran yang berpegang pada riwayat yang sahih iaitu mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran atau dengan hadith Rasulullah SAW atau *athār* sahabat atau pendapat tabi'in. Lihat al-Dhahabī, Muḥammad Hussayn, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrīn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 1: 63.

⁴⁵ Tafsiran yang menggunakan akal melebihi tafsiran *al-ma'thūr* yang didukung tafsirannya dengan periwayatan. Lihat Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, 1: 10.

⁴⁶ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, 6: juz 15, 15

⁴⁷ Ia merujuk kepada lafaz yang umum tentang tempoh 'iddah bagi wanita yang ditalak. *Ibid.*, 1: juz 2, 243-245.

⁴⁸ Contohnya adalah tentang maksud pengharaman darah seperti yang terdapat dalam tiga ayat yang disebut secara mutlak. Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, 1: juz 2, 53-57.

⁴⁹ Sebagai contohnya pada ayat 103 surah al-Nisā', beliau telah mengemukakan 10 buah hadith yang berkaitan bagi menjelaskan hukum dalam ayat tersebut yang bersifat *mujmal*. *Ibid.*, 3: juz 5, 225-227.

⁵⁰ Penjelasan kemusykilan hukum yang terdapat dalam ayat 11 surah al-Nisā'. *Ibid.*, 1: juz 2, 106.

⁵¹ Contohnya pada tafsiran ayat 12 surah al-Nisā', iaitu ayat yang menerangkan tentang terdapat perbezaan bahagian harta pusaka yang diperolehi oleh suami atau isteri bergantung kepada keadaan dan kehidupan kekeluargaan mereka. *Ibid.*, 2: juz 4, 213.

⁵² Topik-topik khusus yang dibincang akan diletak dibawah satu tajuk khusus yang dinamakan sebagai (التوطئة).

⁵³ Sebagai contoh dalam ayat 228 surah al-Baqarah, penjelasan hukum berkaitan tempoh 'iddah bagi wanita-wanita yang dicerai setelah disetubuhi dikaitkan dengan isu penganiayaan ke atas hak-hak wanita yang telah berlaku semenjak zaman jahiliyyah. Lihat Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, 1: juz 2, 248.

- ditafsirkan dengan sebaiknya serta kesilapan tafsiran ayat dapat dielakkan dengan sebaik mungkin.⁵⁴
- e. Elemen dakwah merupakan antara unsur terpenting yang diserapkan dalam tafsiran ayat. Ia dikaitkan dengan penyelesaian masalah yang berlaku dalam realiti kehidupan seharian. Antaranya ialah dengan memberi keutamaan terhadap penjelasan hukum-hukum yang berkaitan hak-hak wanita, bagi mengikis beberapa fahaman dan pengamalan yang salah dalam sebahagian masyarakat Islam yang masih menafikan hak dan kedudukan para wanita dalam institusi keluarga dan masyarakat.⁵⁵
 - f. Tumpuan terhadap aspek bahasa al-Quran. Nā'ilah Hāshim Ṣabrī mengambil pendekatan dengan mengetengahkan keindahan seni bahasa al-Quran agar pembaca turut merasai ruh kemukjizatan al-Quran, sekaligus memahami setiap isi kandungannya dengan sebaiknya.⁵⁶ Huraian yang jelas, dengan penggunaan ungkapan-ungkapan perkataan yang mudah dan senang bertujuan agar ia difahami dengan mudah oleh individu yang membacanya.
 - g. Menolak riwayat *'Isrā'īliyyāt*. Dalam hal ini, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī secara tegas menyatakan pendiriannya yang menolak sebarang riwayat *'Isrā'īliyyāt* di dalam tafsir.⁵⁷ Tegasnya, aspek yang paling penting yang perlu ditonjolkan dari setiap pengkisahan dan cerita-cerita yang terdapat di dalam al-Quran adalah *'ibrah* atau pengajaran yang perlu difahami disebalik kisah-kisah tersebut. Lantas, tidak wajar untuk meluaskan perbincangan atau persoalan yang berkait dengan sebarang nama-nama individu atau tempat dan lain-lainnya, sekiranya perkara tersebut tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran.⁵⁸
 - h. Hubungkait hukum-hakam dengan isu-isu semasa. Antara bentuk pentafsiran Nā'ilah Hāshim Ṣabrī dalam tafsirnya ialah mengemukakan perkaitan ayat-ayat hukum dengan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Dalam bidang ekonomi dan sosial contohnya, beliau menyentuh isu mengenai riba,⁵⁹ kesaksian dalam hutang-piutang dan sistem gadaian Islam serta gejala maksiat yang berlaku akibat dari ketagihan arak dan judi.⁶⁰ Pemikiran Nā'ilah Hāshim Ṣabrī terhadap isu politik contohnya, dapat dilihat secara jelas menerusi pentafsiran beliau dalam ayat-ayat yang berkaitan dengan kewajipan jihad memerangi golongan kuffar serta isu pembebasan bumi Palestin.⁶¹ Tema-tema penting yang diangkat dalam tafsir ini memberikan refleksi yang jelas terhadap posisi umat Islam di Palestin, tekanan yang dihadapi terhadap dakwah dan perkembangan politik di bawah cengkaman penjajah Zionis Yahudi.

Justeru, menerusi interpretasi metodologi pentafsiran Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, dapat dirumuskan bahawa konsep dan manhaj tafsir yang cuba diketengahkan oleh Nā'ilah Hāshim Ṣabrī adalah berdasarkan idealisme dakwah dan islah masyarakat. Kupasan tafsirannya juga diperkukuh dengan perbahasan yang ekstensif terhadap pemikiran fiqh yang terbuka tanpa

⁵⁴ Pada tafsiran ayat 256 surah al-Baqarah, Nā'ilah Hāshim Ṣabrī memahami *khiṭab* ayat tersebut bahawa ianya ditujukan kepada kaum muslimin. Ia menjadi satu hujah yang kukuh bahawa Islam disebarikan melalui usaha dakwah dan bukannya secara paksaan dan peperangan. Ayat ini juga merupakan suatu dalil yang cukup jelas tentang kebatilan dalam sebarang bentuk paksaan dalam urusan pemeluk Islam.

⁵⁵ *Ibid.*, 1: juz 2, 280-281.

⁵⁶ *Ibid.*, 8: juz 22, 215, 6: juz 16, 10-11

⁵⁷ Pendirian tegasnya dalam hal ini turut dinyatakannya secara jelas di dalam muqaddimah kitab tafsirnya. Lihat Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, 1:11..

⁵⁸ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*, 8: juz 2, 221.

⁵⁹ Nā'ilah Hāshim Ṣabrī mengaitkan pengharaman riba dengan masalah yang dihadapi oleh pengamalannya ketika mentafsirkan ayat 275 surah al-Baqarah. *Ibid.*, 2: juz 3, 88-89.

⁶⁰ *Ibid.*, 1: juz 2, 200-201.

⁶¹ *Ibid.*, 1: juz 2, 184-185.

terikat dengan pandangan mazhab tertentu. Latar penulisannya menarik dan kekuatan analisis ditonjolkan dalam mengembangkan sesuatu isu tafsir yang penting. Ia tergambar jelas dalam perbincangan dan tafsirannya terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang permasalahan konsep dan secara *'amal jama'i*, amar makruf nahi mungkar, isu kesatuan ummah, serta permasalahan berkaitan hak dan tanggungjawab wanita.

Penutup

Latar belakang kehidupan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī memperlihatkan keteguhan peribadi seorang wanita yang telah mengabdikan dirinya demi Islam. Setiap ruang waktu dan kecergasan akal yang dikurniakan Allah kepadanya telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengabdikan dirinya dengan al-Quran, serta sentiasa sentiasa gigih menyumbang jasa bakti untuk masyarakat.

Ketokohan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī sebagai seorang *mufassirah* juga telah terbukti menerusi cetusan idea dan penerapan pemikiran dakwahnya dalam karya tafsirnya *al-Mubṣir li Nūr al-Qur'ān*. Huraian dan pentafsiran yang dikemukakan oleh beliau di dalam tafsir tersebut menggambarkan ketokohan beliau sebagai seorang *mufassirah* yang berkebolehan dan mampu menguasai disiplin ilmu tafsir. Hal ini memungkinkan beliau mengupas ayat-ayat al-Quran dengan baik bahkan tafsirannya sarat dengan ilmu dan maklumat. Sikap terpuji beliau terserlah menerusi keterbukaan beliau dalam perbincangan ayat-ayat hukum tanpa terhad kepada pandangan mazhab tertentu. Pengintegrasian antara *manhaj tafsir bi al-ma'thūr* dengan *manhaj tafsir bi al-ra'y al-mahmūd* membentuk *manhaj tafsir bi al-athar al-nazarī*, memberi kesan dan impak yang besar dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran. Kesemua paparan yang dinyatakan tersebut membuktikan kewibawaan dan ketokohan Nā'ilah Hāshim Ṣabrī, tokoh tafsir wanita terulung abad ini.

Bibliografi

- 'Ādil Nuwayḥaḍ. *Mu'jam al-Mufassirīn Min Ṣadri al-Islām Hattā al-'Asr al-Ḥādir*. t.tp:Mu'assasah Nuwayḥaḍ al-Thaqāfiyyah, 1988.
- 'Afāf 'Abd al-Ghafūr Ḥamīd, "Min Juhūd al-Mar'ah "al-Mubṣir Li Nūr al-Qur'ān" Awwal Juhd Kāmil Fī Tafsīr Li al-Mar'ah Ḥadīthan" (makalah, Seminar al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali ke-2, Pusat Kajian Dan Penyelidikan Al-Quran, Universiti Malaya, 22-23 Februari 2012)
- _____. "Min Juhūd al-Mar'ah fī Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm fī al-'Asr al-Ḥadīth". Dalam *Makalah Kuliyyah Sharī'ah wa al-Dirasāt al-Islāmiyyah*, Qatar University, Bil 25, 2007.
- Al-Baghdādi, Ismā'il Bāshā. *Hadiyyah al-'Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Athār al- Muṣannifīn*. Beirut:Dār Iḥya' al-Turāth al-'Arabī, 1955.
- Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥussayn. *Al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- Bint al-Shāṭi', 'Ā'ishah 'Abd al-Raḥmān. *Al-Tafsīr al Bayānī li al-Qur'ān al-Karīm*. cet.ke-3, Kaherah: Dār al Ma'ārif, t.t.
- Faḍl Ḥasan 'Abbās. *Al-Mufassirūn Madārisuhum wa Manāhijuhum*. Amman: Dār al-Nafā'is, 2007.
- _____. *Al-Tafsīr 'Asāsiyyātuḥu wa 'Ittijāhātuḥu*. Amman: Maktabah Dandis, 2005.
- Ibn al-Hāshimi. *Al-Dā'iyyah Zainab al-Ghazāli Masīrah Jihād Wa Hadīth Min Dhikrayāt Min Khilāl Kitābatihā*. Kaherah: Dar al- I'tisam, 1989.
- Muh Taqiyudin. "Qasam Dalam Al-Quran: Studi Komparasi Pemikiran al-Qayyim al-Jauziyyah Dan 'Aisyah Bint al-Syati' Terhadap Ayat-Ayat Sumpah". Disertasi Sarjana Theologi Islam, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia, 2010.

- Muhamad Mustahal. "Bint Shati': Satu Kajian Atas Pemikirannya Dalam Tafsir". Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004.
- Muhammad al-Sayyid Yūsuf. *Manhaj al-Qur'ān fī Işlah al-Mujtama'*, Kaherah: Dār al-Salām, 2004.
- Muhammad Khayr Ramaḍān Yūsuf. *al-Mu'allafāt Min al-Nisā' wa Mu'allafātuhunna fī al-Tāarikh al-Islāmī*. Beirut: Dār Ibn Ḥazim, 2000.
- Nā'ilah Hāshim Şabrī, *al-Mubşir Li Nūr al-Qur'ān*, cet.ke-2 (al-Quds: Dār al-Risālah al-Maqdasiyyah, 2008).
- _____. *Khawāṭir Nadiyyah wa 'Afkār Maqdasīyyah*. Amman: Dār al-Nafā'is, 2014.
- _____. *Riḥlatī wa 'Umrati* cet.ke-6 (al-Quds: Maṭba'ah al-Risālah al-Maqdasiyyah, 2005).
- _____. *Tajwīd Āyāt al-Raḥmān fī Tilāwah al-Qur'ān* Amman: Dār al-Nafā'is, 2015).
- _____. *Kawākib al-Nisā'*, (al-Quds: Maṭba'ah al-Risālah al-Maqdasiyyah, 2007).
- Şalāh 'Abd al-Fattāh al-Khālīdī. *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssīrīn*. cet.ke-5 Damsyik: Dār al-Qalam, 2012.
- 'Umar Riḍā Kakhālah, *A'lām al-Nisā'*, Beirut: Mu'assasah Risālah, 1996.
- Zaynab al-Ghazālī. *Nazarāt Fī Kitāb Allāh*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 1994.
- Temuramah dengan Nā'ilah Hāshim Şabrī, di rumah beliau di Hayy al-Şawānah, al- Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.
- Temuramah dengan Nā'ilah Hāshim Şabrī, di Bilik 2612, PNB Perdana Hotel & Suites, 10 jalan Binjai, Kuala Lumpur pada 2 November 2017, 2:30 petang.
- Temuramah dengan Ghāzī Aḥmad 'Ibrāhīm Yāsīn (Pengarah Syarikat Dār al-Risālah al-Maqdasiyyah), di pejabat Dār al-Risālah al-Maqdasiyyah, Peti Surat 21544, Bayt Ḥanīnā, al-Quds, pada 21 November 2012, 10.40 pagi.
- Temuramah dengan Shaykh 'Ikrimah Sa'īd Şabrī (suami Nā'ilah Hāshim Şabrī), di rumah beliau di Hayy al-Şawānah, al- Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.
- Temuramah dengan 'Ammār (anak sulung Nā'ilah Hāshim Şabrī), di rumah beliau di Hayy al-Şawānah, al- Ṭūr, 97500 Baitul Maqdis, Palestin pada 21 November 2012, 8.30 malam.
- Āmīn Şabrī, "A'lām al Şabrī-Hawīyyah, Tarīkh wa Riwāyāt", laman sesawang *A'lām al-Şabrī*, dikemaskini 24 Oktober 2010, dicapai 25 Februari 2013, [http:// www.howīyya.com/Portal/Article.aspx?id=2287](http://www.howīyya.com/Portal/Article.aspx?id=2287)
- Samīr Zuhayr al-Şūş, "al-Dā'iyah al-Islāmiyyah al-Sayyidah Nā'ilah Hāshim Şabrī", laman sesawang *Qalqiliyah Bayna al-'Ams wa al-Yawm*, dikemaskini 8 April 2012, dicapai 25 Mac 2012, <http://www.myqalqilia.com/>.